

STRATEGI PEMUJUKAN PEMERINTAH KESULTANAN MELAYU DALAM KOMUNIKASI DIPLOMATIK

Salmah Jan Noor Muhammad

salmahjan@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Sesebuah hubungan yang terjalin antara kerajaan adakalanya mengalami pasang surutnya kesan daripada gangguan dalaman mahupun luaran yang terjadi akibat provokasi, fitnah serta memungkiri janji yang boleh membawa kepada berlakunya konflik. Justeru, hal ini perlu ditangani dengan segera. Strategi pemujukan dalam komunikasi diplomatik adalah satu inisiatif yang berkesan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis strategi pemujukan yang diaplikasikan oleh pemerintah dalam komunikasi diplomatik. Kaedah analisis kandungan kualitatif akan digunakan untuk meneliti topik penulisan ini dengan menggunakan naskhah dan warkah kesultanan Melayu sebagai bahan perbincangan utama. Jangkaan hasil kajian menunjukkan bahawa menerusi strategi pemujukan ini, membuktikan bahawa pemerintah dan pembesar mempunyai kemahiran dalam pengendalian komunikasi diplomatik. Selain itu, kajian ini secara langsung akan menyumbangkan kepada kajian tentang pemujukan dan seterusnya mengetahui tentang pemerintahan kesultanan Melayu dalam mengekalkan hubungan diplomatik yang kurang diberi perhatian oleh penyelidik sebelumnya.

Kata Kunci : *Strategi Pemujukan, Komunikasi, Diplomatik, Warkah, Konflik*

PENGENALAN

Strategi pemujukan merupakan satu proses perbincangan yang berlaku sehingga mencapai kata sepakat dan dilakukan dengan cara berhemah dengan mengambil kira persetujuan dari kedua belah pihak. Dalam kajian ini, strategi pemujukan dianggap sebagai salah satu cara dalam menyelesaikan masalah yang timbul semasa zaman pemerintahan kesultanan Melayu. Pemujukan yang gagal akan mengakibatkan provokasi dan akhirnya membawa kepada peperangan. Trenholm (1989) mengatakan pemujukan ialah satu proses yang berlaku apabila seseorang berucap mempengaruhi nilai, kepercayaan dan sikap pendengar. Hovland, Janis & Kelley (1953) pula mentakrifkan pemujukan dalam konteks fungsi komunikasi sebagai suatu pengucapan berbentuk lisan yang kebiasaannya dilakukan dengan tujuan mengubah tingkah laku individu lain. Salmah Jan Noor Muhammad (2017) pula menyatakan bahawa hubungan diplomatik merupakan suatu kemahiran atau seni dalam berunding dan melakukan pemujukan untuk mencapai kesefahaman di peringkat antarabangsa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk memperoleh data kajian dengan merujuk kepada sumber primer dan sekunder seperti buku, tesis, artikel yang diterbitkan dalam jurnal. Terdapat empat tatacara kajian yang dirancang dalam mengemukakan penulisan ini, iaitu memilih, mengumpul, menganalisis dan merumus data. Pada tahap pengumpulan data, penulis melakukan penelitian terhadap manuskrip pilihan yang bersesuaian dengan objektif

kajian. Setiap pembacaan terhadap kandungan manuskrip diteliti dan dicatat, terutamanya maklumat yang membincangkan topik kajian. Manakala, pada tahap penganalisisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperoleh daripada tahap pertama manakala pada tahap ketiga, maklumat yang diperoleh akan dianalisis bagi melancarkan proses analisis dan tahap keempat ialah membuat rumusan secara keseluruhan berkenaan topik perbincangan.

PERBINCANGAN

Strategi pemujukan yang dapat dilihat ialah menerusi peristiwa dalam naskhah *Sulalat al-Salatin* yang menceritakan berkenaan hubungan Melaka dengan Siam yang acapkali berkonflik dan melakukan provokasi antara satu sama lain. Siam ingin menakluk Melaka sebagai tanah jajahannya. Melaka pula ingin mempertahankan kedaulatannya. Juegen Kleiner (2010: 100) mengatakan bahawa kedaulatan dan pengiktifaran sesebuah negara itu dapat dicapai apabila negara tersebut mendapat pengiktirafan hasil daripada mengadakan hubungan diplomatik dengan negara lain. Menurutnya lagi sebagaimana yang terkandung di dalam *Article 14 of the Charter of the Organisation of American States* yang telah dipinda pada tahun 1997, pengiktirafan adalah apabila sesebuah negara yang menjalin hubungan diplomatik itu diterima oleh masyarakat antarabangsa dengan mematuhi undang-undang antarabangsa sebagaimana seperti yang ternukil di dalam perjanjian bilateral kedua-dua negara. *Sulalat al-Salatin* mencatatkan dua peristiwa penting berkenaan Siam dan Melaka. Peristiwa pertama, Siam kalah dalam peperangan (A.Samad Ahmad, 2010:91) dan kedua, Siam membatalkan niatnya untuk berperang dengan Melaka dan kembali ke Siam kesan percaturan pertahanan hebat daripada Tun Perak (A.Samad Ahmad, 2010:95).

Hubungan Melaka dengan Siam sentiasa berkonflik dan masing-masing berjaga-jaga menghadapi serangan. Situasi tersebut menyukarkan kedua pihak, lalu Sultan Mansur Syah mengambil inisiatif untuk berunding dengan Siam bagi menamatkan konflik tersebut. Menurut Ab Aziz Yusof (2000: 147), salah satu kaedah pemujukan ialah dengan mengurangkan atau menghapuskan konflik apabila tingkatnya terlalu tinggi atau memudaratkan organisasi. Justeru, Melaka menawarkan strategi pemujukan dengan membahagikannya kepada beberapa fasa pemujukan iaitu fasa pertama menghantar utusan dan mbingkiskan warkah kepada kerajaan Siam.

Pra Pemujukan

Melaka menggunakan dua taktik dalam pra perundingan iaitu:

a) menghantar utusan

"Apa bicara tuan hamba sekalian, baiklah kita menyuruh ke benua Siam; apa sudahnya kita beralangan selama ini, kita berkelahi dengan dia pun tiada, dan berdamai pun tiada; orang Siam tiada datang ke Melaka, dan orang Melaka pun tiada pergi ke Siam." Maka sembah segala menteri dan Orang Besar-besar, "Benar titah duli Yang Maha Mulia itu, kerana daripada sebaik-baiknya berbanyak sahabat."Maka titah Sultan Mansur Syah, "Jika demikian Bendahara, siapa baik kita suruh utusan ke benua Siam?"Maka sembah Bendahara Paduka Raja, "Tun Telanailah baik dititahkan, dan Menteri Jana Putera akan pengapitnya."Maka titah baginda kepada Tun Telanai, "Berlengkaplah Tun Telanai segera." Maka sembah Tun Telanai, "Baiklah tuanku."

(A. Samad Ahmad, 2010: 107-108)

Utusan kerajaan merupakan jururunding terpenting kerajaan. Misi dan visi tercapai atau gagal menerusinya. Setiap utusan yang dihantar mempunyai keistimewaan tersendiri. Lazimnya, utusan akan dicabar kredibilitinya bukan sahaja dari sudut fizikal malahan juga aspek intelektual. Oleh itu, utusan yang diutus perlu lengkap serba serbi terutamanya dari ilmu pengetahuan. Nuruddin al-Raniri mencatatkan sifat utusan dalam *Bustan al-Salatin* pada fasal ke 5 bab ke 3 iaitu *Syarat yang pertama, hendaklah ia takut akan Allah Taala lagi teguh agamanya. Syarat yang kedua, hendaklah ia ada pengetahuan. Syarat yang ketiga, hendaklah ia elok parasnya. [Syarat yang keempat, hendaklah ada ia kepercayaan dan jangan ia berbuat khianat akan rajanya kerana hawa nafsunya.] ...Syarat yang kelima, hendaklah utusan itu fasih lidahnya dan baik suaranya, syarat yang keenam hendaklah ada ia bijaksana...Syarat yang ketujuh, hendak ada wazir itu utusan berani pada barang melakukan pekerjaan rajanya. Syarat yang kedua lapan, hendaklah ia baik kelakuannya lagi aqil...Syarat yang kesembilan, hendaklah utusan itu murah lagi bangsawan. Syarat yang kesepuluh, hendaklah ia jangan sangat tamak, jika sangat tamak ia, nescaya aiblah nama rajanya (Bustan al-Salatin UM 41)*. Ketepatan dalam pemilihan utusan sebagai pemangkin hubungan diplomatik kerajaan, akan dapat membantu raja menyampaikan hajatnya dengan betul di samping dapat memperkembangkan serta memperkukuhkan jalinan hubungan diplomatik kerajaannya dengan kerajaan lain.

b) Mengutus Warkah Diplomatik

Selain itu, warkah yang diutus juga perlu mempersembahkan kandungan yang menarik dan lenggok bahasa yang puitis namun maksud yang jelas bersesuaian dengan fungsinya sebagai saluran komunikasi dan sebagai saluran perhubungan ikatan silaturahim antara kerajaan. Adib Imran (1999:24) menyatakan bahawa warkah merupakan landasan perhubungan antara seteru mahupun sahabat. Tambah beliau lagi, yang pasti, warkah kerajaan Melayu terbukti sebagai penghubung kerajaan. Oleh itu, sebagai 'penjalin ikatan diplomatik,' antara kerajaan, pengisian sesebuah warkah adalah penting untuk dititikberatkan oleh pihak pengirim agar maksud yang ingin disampaikan tidak menimbulkan kesalahfahaman pada pihak yang menerima warkah tersebut. Warkah yang dikarang oleh Tun Perak tersebut berbunyi seperti berikut:

Hendak tidak dilawani, takut mudarat ke atas nyawa; sungguhpun dilawani, terlalu takut Paduka Bubunnya. Daripada sangat harap akan ampun dan kurnia, maka menyuruhkan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera.

Kemudian maka kata-kata yang lain pula. Maka Sultan Mansur Syah pun berkenanlah mendengar bunyi surat itu.

(A.Samad Ahmad, 2010:108)

Kerajaan Melaka menghantar Tun Telanai bersama pembantunya, Menteri Jana Putra membawa warkah yang ditulis oleh Tun Perak bagi mewakili Sultan Mansur Syah untuk mengeratkan hubungan dan menamatkan konflik antara dua buah kerajaan. Kedatangan Rombongan Melaka ke Siam disambut dengan baik. Paduka Bubunnya, pemerintah Siam membaca warkah yang diutus kepadanya. Reaksi baginda sangat memeranjatkan apabila baginda memuji kebijaksanaan pengarang warkah tersebut. Ini kerana isi warkah tersebut memfokuskan kehebatan Paduka Bubunnya dalam pertahanan dan ketahanan kerajaannya. Selain itu, warkah ini menonjolkan sifat rendah hati dan tidak bongkok kerajaan Melaka pada kerajaan Siam. Sedangkan pada masa itu, kerajaan Melaka merupakan kerajaan yang memiliki kegemilangan pemerintahan. Ahmad Jelani Halimi (2008: 347) mengatakan bahawa Melaka telah berkembang menjadi sebuah negara perdagangan kelautan yang hebat. Perkara ini memperlihatkan kedewasaan kerajaan Melaka dalam mengorak langkah untuk

menjalinkan hubungan diplomatik. Kedewasaan ini juga tergambar apabila adanya sikap sabar, menghargai perbezaan, memahami perasaan orang lain, mengakui kehebatan orang lain, menerima kekalahan dengan ikhlas dan bersedia mengakui kekurangan diri sendiri (Sumartono Mulyodiharjo, 2010: 31) . Dengan kata lain, pertemuan pertama itu membawa impak positif.

Proses Pemujukan

Siam tidak mudah menawarkan perundingan diplomatik dalam sesi pemujukan yang diimplementasikan oleh Melaka. Paduka Bubunnya ingin menguji kebijaksanaan utusan Melaka dengan beberapa cabaran. Ini kerana, utusan ialah cerminan rajanya. Bijak utusan maka bijak rajanya. Paduka Bubunnya bertanya beberapa soalan dalam fasa ini untuk menguji minda utusan Melaka.

Soalan 1 : Siapa nama raja Melaka?

Jawapan 1 : Sultan Mansur Syah.

Soalan 2 : Apa erti Mansur Syah?

Jawapan 2 : Raja yang dimenang akan Allah Taala daripada segala seterunya.

Soalan 3 : Apa sebab Melaka diserang Siam, tiada alah?"

Jawapan 3 : (Demonstrasi) Tun Telanai pun menyuruh memanggil orang Suir, seorang tua, lagi untut kedua kakinya. Maka disuruh oleh Tun Telanai bermain lembing di hadapan Paduka Bubunnya. Maka orang tua itu dilambung-lambunginya lembing itu, maka ditahankannya belakangnya; maka lembing itu jatuh ke atas belakangnya, mengantul jatuh ke tanah, sedikit pun tiada garis belakangnya. Maka sembah Tun Telanai, "Inilah sebabnya maka Melaka diserang tiada alah, kerana semuanya orang Melaka demikian belaka.

(A.Samad Ahmad, 2010: 109)

Terkesan dengan jawapan tersebut, Paduka Bubunnya pun berdialog dalam hati: *Maka pada hati Paduka Bubunnya, "Sungguh juga; sedang orang tua untut amat jahat lagi demikian* (A.Samad Ahmad, 2010: 109). Hasil daripada uji minda utusan kerajaan Melaka tersebut, Paduka Bubunnya mengakui bahawa kerajaan Melaka memiliki kehebatan bukan sahaja dari kekuatan pertahanan malahan dari aspek pemujukan. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2002) menyatakan bahawa kemahiran bertutur dan berbahasa dapat mempengaruhi kejayaan seseorang dalam kerjayanya, kehidupan peribadinya, kebahagiaannya, dan malah juga turut mempengaruhi kesihatan mentalnya. Selain itu, Nor Azila Zainal Abidin (2007 :28) berpendapat bahawa kebijaksanaan berkomunikasi akan membolehkan maklumat dan arahan disampaikan dengan tepat dan seterusnya dapat mencapai matlamat utama yang disasarkan. Pendapat ilmuwan ini berpadanan dengan tindakan yang dilakukan oleh utusan Melaka. Utusan Melaka berjaya menambat hati Siam bukan dari aktiviti fizikal seperti beradu tenaga tetapi dari aspek pengetahuan dan komunikasi. Peundingan secara bersemuka ini memberikan impak positif kerana kedua-dua individu yang sedang berunding kerana dapat mengenali satu sama lain dengan lebih dekat. Sulaiman, Salleh dan Azlina (2002) menyatakan komunikasi lisan ini boleh mengeratkan sillaturrahim antara manusia dan boleh menjalinkan hubungan peribadi antara dua manusia.

Pasca Pemujukan

Implikasi daripada pra dan proses pemujukan, Paduka Bubunnya telah menerima perundingan dan penawaran kerajaan Melaka. Justeru, pasca pemujukan itu telah membawa hubungan berbaik-baik dan menamatkan konflik yang wujud. Paduka Bubunnya telah memberikan hadiah kepada utusan Melaka dengan memberikannya seorang puteri bernama Onang Minaling Lanang untuk dikahwini.

“Surat daripada Pra Cau Wadi datang kepada Awi Melaka;” sudah itu, maka kata-kata lain. Setelah Sultan Mansur Syah mendengar bunyi surat itu terlalulah sukacita baginda, maka baginda pun memberi persalin kepada Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dan segala utusan Siam. Setelah datang musim yang baik, maka utusan yang menghantar itu pun bermohonlah. Maka Sultan Mansur Syah memberi persalin serta membalas surat kiriman akan raja Siam; maka utusan Siam pun kembalilah mengadap Pra Cau.

(A.Samad Ahmad, 2010: 111)

Apabila dilihat dari perspektif ini, hubungan ini bukan sekadar mengeratkan hubungan diplomatik semata, tetapi turut mewujudkan implikasi penularan sosiobudaya-politik dalam masyarakat Melayu. Salah satu kesan kebudayaan yang berpunca daripada peristiwa ini ialah wujudnya kelompok kaum peranakan seperti Baba dan Nyonya. Selain itu, Paduka Bubunnya menghantar utusan dan warkah balas ke Melaka sebagai tanda hubungan diplomatik bermula antara dua buah kerajaan.

Selain Melaka dan Siam, Kedah juga menghadapi cabaran perang daripada Aceh. Objektif Aceh ingin menyerang Kedah telah sampai kepengetahuan Sultan Sulaiman Shah II menerusi menerusi berita yang disampaikan oleh Raja Menehara. Dalam situasi ini, jelas kelihatan penyusunan tindakan yang diambil oleh Sultan Sulaiman Shah untuk menyelesaikan konflik ini. Perbincangan ini akan dibahagikan kepada tiga fasa pemujukan yang dapat diteliti di bawah ini.

Pra pemujukan

Pra pemujukan merupakan langkah penting dalam menentukan halatuju sesebuah komunikasi diplomatik. Dalam fasa ini, Sultan Sulaiman Shah telah memanggil kesemua menteri baginda untuk bermusyawarah tentang isu ancaman perang yang diterima daripada kerajaan Aceh. Hasilnya, baginda memperoleh dua cadangan alternatif penting iaitu, berperang ataupun melakukan pemujukan untuk permuafakatan. Peristiwa ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Petikan 1 : persetujuan untuk peperangan

“Jika datang langgaran itu, kita lawan-lah dengan sa-boleh2-nya, dan bersiap-lah kita dengan segera kerana kita pun ada menaroh banyak hulubalang pahlawan yang terbilang.”

(Muhammad Hassan Dato’ Kerani Muhammad Arshad, 1968: 54)

Petikan 2: pemujukan untuk permuafakatan

“Kita lawan-lah musoh yang hendak datang itu dengan sa-habis2 ikhtiar. Tetapi ada-lah isyarat melawan musoh itu ada sa-ratus satu isyarat...Yang sa-ratus itu ia-

lah dengan kira bichara dan ikhtiar..Ampun tuanku, jikalau boleh lagi kita ikhtiarkan dengan jalan yang lain sa-lain daripada berperang itu terlebih baik-lah daripada kita berperang kerana tiada terlebih jahat patek2 sakalian membawa Shah Alam kapada pekerjaan perang, kerana banyak lagi yang dapat di-lakukan sa-lain daripada pekerjaan perang itu, ia-itu saperti dengan ikhtiar atau dengan harta.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968: 56)

Dalam perbincangan itu, Sultan Sulaiman Shah membuat keputusan untuk menggunakan seratus satu isyarat dalam menghadapi konflik tersebut. Menurut Jelani Harun (2003: 14), seratus satu isyarat ialah usaha dan ikhtiar untuk menghindarkan berlakunya peperangan. Tindakan mengelakkan peperangan ataupun ancaman lain merupakan suatu tindakan yang menuju ke arah penyelesaian konflik (Mohamad Faisol Keling & Mohammad Fuad Othman, 2006: 111). Usaha mentransformasi hubungan permusuhan kepada hubungan berbaik-baik merupakan suatu langkah bijak yang diambil oleh pemerintah Kedah untuk mengubah tindakan, keputusan ataupun persepsi kerajaan Aceh terhadap Kedah. Oleh itu, tindakan tersebut merupakan tindakan tepat yang diambil oleh Sultan Sulaiman agar tidak mengorbankan rakyat dan kerajaan baginda.

Proses Pemujukan

Kedah mengambil beberapa langkah persediaan untuk menyambut kedatangan Aceh. Antaranya menghiasi balairung istana, menyediakan tempat bersemayam dan mempersiapkan makanan untuk rombongan Sultan Aceh seperti menyambut kerajaan sahabat. Tujuan utama Kedah berbuat demikian adalah untuk Aceh menimbang semula tujuan kedatangan mereka dan seterusnya membatalkan niat untuk berperang dan menakluki Kedah. Menurut Hasnah Daud (2010 :72) menjalinkan hubungan berbaik-baik dengan orang lain lebih penting daripada menyaingi mereka. Pendapat ini selari dengan tindakan yang diambil oleh Kedah apabila Kedah mengutamakan perundingan diplomatik daripada menyahut cabaran yang ditawarkan oleh Aceh. Persiapan itu dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

a) Menyambut tetamu

Maka Tengku Rijaluddin dengan menteri2-nya pun naik dudok menyembah. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka dipersembahkan surat paduka ayahanda baginda itu serta di-ma'alumkan dengan perkataan yang elok susun-nya dan halus manis, mempersilakan Sultan Iskandar Mahkota Alam masok ka-negeri.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968: 62)

b) Mempertemukan Sultan Aceh dengan Sultan Kedah

Maka pada ketika itu, Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dengan sekalian hulubalang pahlawan memberi hormat, lalu di-main nobat nafiri terlalu gemuroh bunyi-nya. Lalu dipersilakan masok oleh Tengku Paduka Maharaja Temenggong akan Sultan Iskandar Mahkota Alam dan sakalian pengiring-nya, langsung mereka itu ka-hadapan balai dan di-sambut oleh Dato; Seri Maharaja Putra Dewa lalu naik ka-balai. Pada ketika itu Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia ada hadhir menanti di-balai penghadapan, lalu hormat

berhormat-lah kedua2 Sultan itu, lalu dudok di atas singgahsana di-hadap oleh paduka anakanda baginda Tengku Rijaluddin dan segala menteri2.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968: 62)

c) Hidangan Mewah Santapan Diraja

Hatta, santapan pun di-edar orang-lah di hadapan kedua2 Sultan itu dan di-hadapan menteri2 dan anak2 raja dan orang besar2. Beratus hidangan di-letak mengikut taraf masing2. Maka bertelut-lah Dato' Bentara Wang Seri di-hadapan Sultan berdua itu seraya menyembah, "Ampun tuanku, santapan sudah siap." Maka baginda pun persilakan Sultan Iskandar, lalu santap kedua2-nya, dan sakalian menteri...

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968: 64)

d) Disediakan Tempat Peraduan

Maka Raja Mehara persilakan Sultan Iskandar Mohkota Alam pergi bersemayam di-tempat yang di-siapkan itu. Maka Sultan Iskandar pun bangkit memberi hormat, lalu bermohon berangkat pergi ka-tempat yang di-siapkan itu.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968: 64)

Persiapan ini menunjukkan bahawa kerajaan Kedah sememangnya bersikap teliti dan bersungguh-sungguh untuk mencapai permuafakatan dengan Aceh. Menurut Mary Joe Meadow (1989: 146) apabila suatu pihak berbeza tujuan dengan orang lain, penyelesaian yang baik ialah menghindari situasi yang negatif. Kerajaan Kedah keluar dari sudut negatif kepada positif dengan menurunkan ego mereka untuk tidak terus menentang Aceh dengan peperangan yang membawa kepada malapetaka dengan mengorbankan nyawa rakyat serta kerosakan alam.

Pasca Pemujukan

Ternyata persiapan tersebut telah berjaya mengubah niat kerajaan Aceh daripada ingin menyerang kepada hubungan berbaik-baik. Sultan Aceh menunjukkan sifat positif dan bersetuju menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kedah. Tindak balas positif Sultan Aceh itu dapat dibuktikan menerusi petikan ini :

a) Pada ketika itu **layu-lah hati** Sultan Iskandar hendak meneruskan maksud-nya.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968: 62)

b) Maka Sultan Iskandar dengan segala hulubalang-nya sangat **hairan serta malu** yang amat sangat melihat menteri2 hulubalang pahlawan yang tertib lendit peratoran mereka di-balai penghadapan itu.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968: 63)

c) Pada ketika itu **luput-lah maksud di-hati** Sultan Iskandar Mahkota Alam hendak mengambil negeri Kedah, serta Sultan Iskandar pun beraleh hati-nya

kapada berkeseh2an dengan Sultan Sulaiman Shah seperti saudara-nya sendiri.

(Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968: 63)

Implikasi daripada ketiga-tiga kaedah pemujukan yang dibentuk dan dilaksanakan oleh kerajaan Kedah itu telah membuka ruang diplomatik dengan kerajaan Aceh. Sultan Aceh telah mempelawa Sultan Sulaiman untuk mengikutinya kembali ke tanah air. Tujuan Sultan Sulaiman mengikut Sultan Iskandar Mahkota Alam adalah untuk mendekati Sultan Iskandar Mahkota Alam secara peribadi. Hal demikian akan merapatkan hubungan antara dua kerajaan dan memudahkan segala urusan sama ada daripada aspek sosial, politik mahupun hal yang melibatkan urusan niaga sekiranya diperlukan kelak. Oleh itu, pemergian Sultan Sulaiman ke Aceh dapat membantu baginda mengenal pasti keperluan hubungan diplomatik yang perlu dititikberatkan dalam menentukan masa depan kerajaan Kedah sebagai kerajaan maritim terhebat di Utara Semenanjung Tanah Melayu.

KESIMPULAN

Misi utama dalam hubungan diplomatik adalah kedamaian yang membawa pelbagai strategi. Misalnya strategi pemujukan.. Setiap pemujukan sememangnya memerlukan langkah berkesan untuk mencapainya. Fasa-fasa dalam pemujukan yang diatur dan dilaksanakan dengan teliti telah membawa kerajaan yang berkonflik seperti Kedah dengan Aceh, Melaka dengan Siam berjaya menyelesaikan konflik tersebut. Hasilnya, kerajaan-kerajaan tersebut terbuka dalam menawarkan dan menerima hubungan diplomatik. Oleh itu, terbukti bahawa melalui pemujukan ini merupakan mekanisme yang digunakan sebagai pengeras dan penyelesaian konflik zaman pemerintahan kesultanan Melayu seperti Kedah, Aceh, Melaka dan Siam.

PENGHARGAAN

Penghargaan ini diberikan kepada Geran Putra, Universiti Putra Malaysia kerana telah membiayai penyelidikan penulis.

RUJUKAN

- A.Samad Ahmad (Penyl.). 2010. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* (Edisi Kesepuluh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Aziz Yusof. 2000. *Pengurus dan gelagat organisasi di abad ke 21*. Petaling Jaya : Prentice Hall.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2002. *Komunikasi di Tempat Kerja*. Bentong: PTS Publications & Distributors.
- Adib Imran. 1999. Warkah Lama Pengungkap Peradaban Bangsa. *Dewan Budaya*, September, 24-25.
- Ahmad Jelani Halimi. 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Bustan al-Salatin* (Universiti Malaya, MS 41).
- Hasnah Daud. 2010. *Pemimpin 360*. Batu Caves: PTS Professional Publishing .
- Hovland, C. I., Janis, I. L., & Kelley, H. H. (1953). *Communication and persuasion; psychological studies of opinion change*. New Haven, CT, US: Yale University Press.

- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juergen Kleiner. 2010. *Diplomatic Practice Between Tradition and Innovation*. Amerika Syarikat: World Publishing Co. Pte. Ltd.
- Mary Jo Meadow. 1989. *Memahami Orang Lain, Meningkatkan Komunikasi Dan Hubungan Baik Dengan Orang Lain*. Yogyakarta: Penerbit kanisius.
- Mohamad Faisol Keling & Mohammad Fuad Othman. 2006. *Pengajian Strategi Ilmu Sebagai Disiplin*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Nor Azila Zainal Abidin. 2007. *Kerjaya Sebagai Pengurus Kewangan Korporat*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn. Bhd.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2017). Kerencatan Hubungan Diplomatik Kesultanan Melayu Melaka, Johor dan Aceh. *MANU*, 25, 107-136.
- Sulaiman, Salleh & Azlina. 2002. *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Sumartono Mulyodiharjo. 2010. *The Power of Communication*. Jakarta: PT Elex Media Komputindo.
- Trenholm, Sarah (1989) *Persuasion and social influence*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall.